

BAH

Mahathir - S a h a m (Ulangan Membetulkan Perenggan Empat)''''

PM HARAP DAGANGAN TINGGI BSKL BUKAN BERASAS KHRBAR ANGIN

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini mengingatkan para pelabur supaya tidak terpengaruh dengan spekulasi kononnya beberapa syarikat berkaitan dengan UMNO akan mendapat projek menjelang Perhimpunan Agungnya November ini sehingga mendorong mereka membeli saham syarikat berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, para pelabur sepatutnya membeli saham berasaskan prestasi sesebuah syarikat dan bukannya khabar-khabar angin seumpama itu.

"Saya agak terperanjat sedikit dengan kenaikan jumlah dagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ini. Saya harap dagangan ini adalah dagangan yang sihat," katanya pada persidangan akhbar di akhir lawatan dua harinya ke Melaka, di sini.

Beliau dimintamengulas dagangan di BSKL semalam yang mencapai jumlah tertinggi dengan sebanyak 1,039 juta saham bernilai RM2,480 juta yang diniagakan.

Katanya, para pelabur yang percaya kepada khabar-khabar angin kononnya sesebuah syarikat akan mendapat sesuatu projek atau kontrak selalunya berlumba-lumba untuk membeli saham syarikat berkenaan. --Lagi.

♥16/04/20-32MST

CNS4711

U GB 16-04 00120 BH808

:BAH

Mahathir - Saham 2 Melaka

Perdana Menteri berkata, Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim juga sudah memberi amaran kepada mereka yang menyebarkan khabar-khabar angin di BSKL.

Bagaimanapun, katanya, mungkin dagangan yang tinggi sekarang disebabkan para pelabur mengetahui sesuatu ataupun mereka yakin dengan suasana pelaburan sehingga menyebabkan begi itu banyak saham dijual beli.

Dr Mahathir berkata, spekulasi kononnya syarikat-syarikat berkaitan dengan UMNO akan mendapat sesuatu projek menjelang Perhimpunan Agung UMNO November ini, tidak benar.

Katanya, ini kerana tidak ada syarikat yang berkaitan dengan UMNO walaupun banyak tuduhan dibuat orang ramai.

Beliau berkata, sememangnya UMNO kenal rama i peniaga tetapi itu tidak bermakna syarikat-syarikat milik peniaga berkenaan menjadi syarikat milik UMNO. -- Lagi.

♥16/04/20-23MST

CNS471.4

U GB 16-04 00130 BH809

BAJ

Mahathir - Saham 3 (Akhir) Melaka

"Kita akui kadangkala UMNO terpaksa meminta derma bila hendak mengadakan pilihan raya atau apa-apa pun. Tetapi tidak bermakna syarikat yang menderma itu syarikat UMNO. Yang bukan anggota UMNO pun kalau hendak menderma kita terima," katanya.

Dr Mahathir jugadimintamengulas kesukaran Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin mendapatkan perkenan Sultan Johor kepada perlantikan Datuk Ishak Yusof sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru menggantikan Datuk Abdul Rahim Ramli.

Katanya, beliau yakin perkara itu akan dapat diatasi juga akhirnya kerana kerajaan pernah menghadapi masalah yang lebih teruk daripada itu.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menggunakan pilihan lain bagi mengatasi masalah itu, beliau berkata: "Waktu ini tak perlu lagi". -- Bernama.